

UNDANG-UNDANG BAGI

MAJLIS BELIA INDIA MALAYSIA (Malaysian Indian Youth Council) (MIYC)

BAHAGIAN : I

FASAL 1 NAMA

Pertubuhan ini dikenali dengan nama :

**MAJLIS BELIA INDIA MALAYSIA
(Malaysian Indian Youth Council)
(MIYC)**

selepas ini disebut 'Pertubuhan'.

FASAL 2 TEMPAT URUSAN

Alamat dan tempat urusan Pertubuhan ialah :

**Ibu Pejabat MIYC,
RUMAH MIYC,
B1-G-5, ANTARA APARTMENT, TAMAN MULIA JAYA,
68000 AMPANG, KUALA LUMPUR**


atau di tempat lain atau tempat-tempat yang akan ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Jawatankuasa Pusat; dan alamat untuk surat menyurat:

**Ibu Pejabat MIYC,
RUMAH MIYC,
B1-G-5, ANTARA APARTMENT, TAMAN MULIA JAYA,
68000 AMPANG, KUALA LUMPUR**

Tempat urusan berdaftar dan alamat surat menyurat Pertubuhan tidak boleh diubah tanpa kebenaran Pendaftar Pertubuhan Belia terlebih dahulu.



FASAL 3 LOGO DAN BENDERA



- (1) Nama pertubuhan dalam bahasa Malaysia ialah **MAJLIS BELIA INDIA MALAYSIA** dan dalam bahasa Inggeris ialah *Malaysian Indian Youth Council* serta nama singkatan ialah **MIYC** dan dalam bahasa Tamil seperti yang tertera dalam logo di atas.
- (2) Warna-warna adalah membawa maksud berikut:-
Warna merah – *keberanian dan persaudaraan*
Warna kuning dan oren – *kebesaran dan keagungan*
Warna putih – *kesempurnaan dan kesucian*
- (3)
 - a). Bulatan – membawa maksud perpaduan dan keharmonian
 - b). 1991 – bermaksud diasaskan oleh Sdr.Rajaretinam pada 12hb November 1991
 - c). Simbol "AUM" & "SWASTIK" – bermaksud agama, budaya, bahasa dan bangsa yang bertamadun kearah pembentukan masyarakat berbilang kaum yang madani.
 - d). Simbolik tulisan berbentuk grafik dalam bulatan adalah mewakili singkatan nama pertubuhan ini.
 - e). Bendera adalah berukuran 3 : 5 dan logo di letakkan di tengah-tengah
 - f). Mahkota, Singa dan payung – membawa maksud perlindungan untuk semua.



FASAL 4 TUJUAN

- 4.1. Berusaha menegakkan dan mengukuhkan prinsip sukarela dan demokratik dalam pergerakan belia.
- 4.2. Menyebarkan penerangan dan maklumat tentang isu-isu dan kegiatan – kegiatan belia.
- 4.3. Untuk membina, memperkasa peribadi belia serta melahirkan golongan belia yang maju serta berdaya saing secara sehat.
- 4.4. Untuk menyebarkan prinsip-prinsip Rukun Negara serta memupuk perasaan muhibah, integrasi nasional dan perpaduan negara.
- 4.5. Bertindak sebagai wakil serta memainkan peranan yang lebih aktif dalam menyampaikan aspirasi-aspirasi komuniti belia serta mempertahankan dan memelihara status ekonomi, politik, sosial, pendidikan, kebudayaan dan lain-lain kepentingan belia-belia India/Hindu secara amnya.
- 4.6. Berfungsi melahirkan semangat sukarela dan amal bakti dikalangan belia serta membantu dan melengkapi usaha-usaha kerajaan dalam bidang kesukarelaan, kebajikan dan pembangunan masyarakat dan mengemukakan pandangan terhadap isu-isu sosial semasa untuk kebaikan umum.
- 4.7. Bekerjasama atau menerima gabungan atau bergabung dengan mana-mana badan atau pertubuhan yang berdaftar serta mempunyai prinsip-prinsip asas yang sama dengan Pertubuhan ini.
- 4.8. Mengadakan kursus, seminar, bengkel, forum, latihan, kem, dialog atau perhimpunan untuk meningkatkan pengetahuan ahli-ahli dan rakyat Malaysia secara amnya.
- 4.9. Menerbit dan mengedar majalah-majalah, buku-buku, buletin-buletin dan akhbar-akhbar dari masa ke masa dengan kebenaran pihak berkuasa.
- 4.10. Membeli, mengurus serta memiliki segala harta benda bergerak dan tidak bergerak untuk Pertubuhan.



FASAL 5 KEAHLIAN

- (1) Keahlian pertubuhan ini terbuka kepada warganegara Malaysia berketurunan **India** serta mengamalkan amalan **Sanatan Dharma** dan berumur **15 – 40 tahun** serta diterima oleh Jawatankuasa Eksekutif Majlis Tertinggi (**EXCO Pusat**). Keputusan menerima atau menolak mana-mana permohonan keahlian adalah hak mutlak EXCO PUSAT. Bilangan keahlian pertubuhan adalah TIDAK TERHAD.
- (2) Tiap-tiap permohonan menjadi ahli hendaklah disertakan dengan Borang Keahlian Pertubuhan berserta dengan, ia dicadangkan dan disokong oleh dua orang ahli dan dihantar kepada Setiausaha Cawangan dan seterusnya dimajukan kepada Jawatankuasa Cawangan untuk disemak dan dihantarkan kepada Setiausaha Agung untuk diluluskan oleh Jawatankuasa Eksekutif Majlis Tertinggi (**EXCO Pusat**). Jawatankuasa Pusat ini boleh mengikut budibicaranya menolak sebarang permohonan tanpa memberi sebab-sebabnya.
- (3) Tiap-tiap pemohon yang permohonannya telah diluluskan seperti yang dinyatakan di atas, hendaklah setelah membayar bayaran masuk dan yuran tahun pertama seperti yang ditetapkan diterima menjadi ahli Pertubuhan dan berhaklah ia sebagai ahli.
- (4) Seorang pelajar Universiti atau Kolej-Universiti tidak boleh diterima menjadi ahli Pertubuhan ini kecuali ia telah dibenarkan terlebih dahulu secara bertulis oleh Naib Canselor Universiti yang berkenaan.

FASAL 6 BAYARAN MASUK, YURAN DAN BAYARAN LAIN

- (1) Bayaran masuk dan yuran keahlian yang perlu dijelaskan adalah seperti berikut:-

Bayaran Masuk : RM 5.00 (*Lima Ringgit Malaysia Sahaja*)

Yuran Tahunan : RM 5.00 (*Lima Ringgit Malaysia Sahaja*)

Bayaran Masuk Ahli adalah milik Ibu Pejabat MIYC sepenuhnya, manakala Yuran Tahunan Ahli adalah milik Cawangan sepenuhnya.

- (2) Semua ahli hendaklah menjelaskan YURAN TAHUNAN kepada Bendahari Cawangan pertubuhan sebelum **28hb. Februari** setiap tahun. Bendahari Cawangan hendaklah membuat segala pembayaran yuran-yuran seperti yuran perwakilan dan yuran tahunan cawangan yang ditetapkan oleh EXCO Pusat sebelum 30hb April setiap tahun kepada Bendahari Agung atau Ibu Pejabat Pertubuhan.



- (3) Ahli yang membiarkan hutang yurannya lebih daripada dua tahun akan menerima surat peringatan yang ditandatangani oleh atau wakil Setiausaha Agung atau Setiausaha Cawangan, dan hilanglah hak-hak keistimewaannya sebagai ahli sehingga hutangnya telah dijelaskan.
- (4) Ahli yang membiarkan hutangnya sebanyak lebih daripada yuran DUA TAHUN akan dimaklumkan melalui surat peringatan dari Ibu Pejabat Pertubuhan ini. Jika hutang ini tidak diselesaikan dalam tempoh 60 hari dari tarikh surat itu dikeluarkan, maka keahliannya akan terbatal secara automatic atau sendirinya terhenti daripada menjadi ahli Pertubuhan dan boleh memerintahkan supaya tindakan yang sah diambil terhadapnya dengan syarat mereka berpuashati yang ahli itu telah menerima kenyataan berkenaan hutangnya terlebih dahulu.
- (5) Jawatankuasa Eksekutif Majlis Tertinggi (EXCO Pusat) mempunyai kuasa menetapkan yuran masuk semula bagi sesiapa yang telah membiarkan keahliannya terlucaut disebabkan hutang.
- (6) **Yuran Khas, Yuran Perhimpunan, Yuran Perwakilan, Yuran Tahunan Cawangan, Yuran Penubuhan Cawangan dan Yuran Lain-lain** atau kutipan wang daripada ahli-ahli ataupun Cawangan untuk perkara yang tertentu boleh diputuskan oleh Jawatankuasa Eksekutif Majlis Tertinggi (EXCO Pusat). Sekiranya ada ahli atau Cawangan yang mungkir membayar yuran-yuran tersebut dalam tempoh yang telah ditetapkan, maka EXCO Pusat boleh mengambil tindakan serta boleh menggantungkan keahlian dan haknya.

FASAL 7 PEMBERHENTIAN DAN PEMECATAN AHLI

- (1) Ahli yang hendak berhenti daripada menjadi Ahli Pertubuhan hendaklah memberi kenyataan bertulis dua minggu terlebih dahulu kepada Setiausaha Cawangan dan Setiausaha Agung pertubuhan dan menjelaskan segala hutangnya.
- (2) Mana-mana ahli atau cawangan yang gagal mematuhi undang-undang Pertubuhan atau bertindak dengan cara yang mencemarkan nama baik Pertubuhan boleh dipecat atau digantungkan keahliannya bagi suatu tempoh sebagaimana yang difikirkan munasabah oleh EXCO Pusat. Sebelum EXCO Pusat memecat atau menggantung ahli tersebut, ahli itu hendaklah diberitahu akan sebab-sebab bagi pemecatan atau penggantungannya secara bertulis oleh Cawangan atau Ibu Pejabat. Ahli tersebut juga hendaklah diberi peluang untuk memberi penjelasan dan membela dirinya. Pemecatan atau penggantung itu hendaklah dilaksanakan melainkan Jawatankuasa Disiplin atau EXCO Pusat ataupun Perhimpunan Agung menunda atau membatalkan keputusan itu atas rayuan oleh ahli atau cawangan tersebut.



BAHAGIAN : II

FASAL 8 MAJLIS PERHIMPUNAN AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN (MPAPT)


- (1) Pengelolaan Pertubuhan ini terserah kepada perhimpunan agung tahunan ahli-ahli perwakilan dari cawangan-cawangan yang sah. Sekurang-kurangnya **satu pertiga (1/3)** daripada jumlah ahli-ahli perwakilan yang berhak mengundi atau, kehadiran sekurang-kurangnya **satu pertiga (1/3)** daripada jumlah cawangan yang sah atau **empat kali** jumlah ahli Jawatankuasa Eksekutif Majlis Tertinggi (**EXCO Pusat**), mengikut mana yang kurang, hendaklah hadir di dalam Perhimpunan Agung bagi mengesahkan perjalanan mesyuarat dan mencukupi bilangan korum untuk perhimpunan agung.
- (2) Jika korum tidak cukup selepas setengah jam daripada waktu yang telah ditetapkan untuk perhimpunan agung, maka mesyuarat itu hendaklah ditangguhkan kepada suatu tarikh (**tidak lebih daripada 60 hari**) yang ditetapkan oleh Jawatankuasa EXCO Pusat; dan jika korum tidak cukup selepas satu jam daripada waktu yang ditetapkan untuk perhimpunan agung yang ditangguhkan itu maka berkuasalah ahli-ahli perwakilan yang hadir menjalankan perhimpunan agung tetapi tidaklah berkuasa meminda undang-undang Pertubuhan dan membuat keputusan-keputusan yang melibatkan semua ahli-ahli perwakilan.
- (3) Perhimpunan Agung Tahunan bagi Pertubuhan hendaklah diadakan dengan secepat mungkin setelah berakhirnya tahun kewangan tetapi tidak lewat daripada **30hb Oktober** pada tarikh, masa dan tempat yang ditetapkan oleh EXCO Pusat. Aturcara dan Kerja-kerja Perhimpunan Agung Perwakilan Tahunan ialah:-
 - (a) Menerima laporan jawatankuasa Majlis Tertinggi berkenaan perjalanan Pertubuhan di dalam tahun yang lalu;
 - (b) Menerima laporan Bendahari Agung dan penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun lalu;
 - (c) Memilih ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif Majlis Tertinggi (EXCO PUSAT) dan Juru Odit Dalam setiap **DUA TAHUN** sekali.
 - (d) Menguruskan perkara-perkara lain yang dibentangkan di dalam perhimpunan itu.



- (4) Pengumuman awal mengenai Majlis Perhimpunan Agung Perwakilan Tahunan (MPAPT) yang menyatakan tarikh, waktu dan tempat, dan panggilan mengemukakan cadangan untuk perbincangan, cadangan untuk meminda undang-undang dan pencalonan untuk pemilihan ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif Majlis Tertinggi (**EXCO PUSAT**), hendaklah dikirimkan oleh Setiausaha Agung kepada tiap-tiap Cawangan yang Sah tidak lewat daripada 45 hari sebelum tarikh yang ditetapkan untuk perhimpunan agung, dan hendaklah menghantar kepada tiap-tiap cawangan yang sah, satu notis panggilan perhimpunan dan agenda perhimpunan termasuk salinan minit perhimpunan dan laporan serta penyata kira-kira Ibu Pejabat Pertubuhan bagi tahun lalu yang telah diaudit. Salinan surat-surat juga hendaklah dibekalkan untuk dibaca oleh ahli-ahli Cawangan di alamat tempat urusan Pertubuhan yang telah didaftarkan.
- (5) Tiap-tiap Setiausaha Cawangan hendaklah mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan cawangan tidak lewat daripada **30hb Jun** setiap tahun. Setiap Cawangan adalah diwajibkan mendapatkan Surat Pengesahan dan Kebenaran mengadakan mesyuarat ini dari Ibu Pejabat. Cawangan yang gagal membayar yuran tahunan, yuran perwakilan serta yuran lain-lain yang ditetapkan oleh Ibu Pejabat adalah tidak layak mengadakan mesyuarat ini. Cawangan ini adalah dianggap tidak sah serta tidak berhak menghantar perwakilan ke peringkat negeri dan kebangsaan. Cawangan ini boleh digantung operasinya serta Ibu Pejabat berhak melantik satu jawatankuasa tindakan sementara. Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan hendaklah disaksikan serta disahkan oleh wakil Ibu Pejabat yang ditetapkan oleh EXCO Pusat dan/ atau Jawatankuasa Negeri.
- (6) Nama-nama perwakilan, pencalonan untuk pemilihan pegawai-pegawai dan cadangan untuk dibincangkan di dalam Perhimpunan Agung hendaklah dihantar oleh Setiausaha Cawangan kepada Setiausaha Agung atau Ibu Pejabat tidak lewat daripada **30 hari** selepas penerimaan Notis Panggilan Perhimpunan Agung.
- (7) Setiap Cawangan Sah adalah layak menghantar seramai **5 (lima) orang perwakilan** ke majlis perhimpunan agung perwakilan kebangsaan dan Mesyuarat Agung Tahunan Perwakilan Negeri.
- (8) Pemilihan perwakilan boleh dibuat dalam mesyuarat agung tahunan cawangan atau mana-mana 5 orang pegawai utama dalam Jawatankuasa Cawangan yang dipilih secara undi oleh Jawatankuasa Cawangan tersebut.



- (9) Perhimpunan Agung Khas bagi Pertubuhan ini boleh diadakan:-
- (a) Bila difikirkan mustahak oleh Jawatankuasa Majlis Tertinggi, atau
 - (b) Atas permintaan beramai-ramai dengan bertulis oleh tidak kurang daripada **satu pertiga (1/3)** dari jumlah ahli perwakilan yang berhak mengundi, atau satu pertiga (1/3) daripada jumlah cawangan yang sah, dengan menerangkan tujuan dan sebab mengadakannya. Permintaan itu hendaklah dihantar kepada Setiausaha Agung Pertubuhan.
- (10) Perhimpunan Agung Khas yang diminta oleh ahli-ahli hendaklah diadakan pada satu tarikh di dalam tempoh **DUA bulan** dari tarikh penerimaan permintaan perhimpunan agung itu.
- (11) Pengumuman dan agenda untuk Perhimpunan Agung Khas itu hendaklah diedarkan oleh Setiausaha Agung kepada semua ahli sekurang-kurangnya **21 hari** sebelum tarikh yang telah ditetapkan untuk bermesyuarat.
- (12) **Fasal 8 (1)** dan **Fasal 8 (2)** di dalam undang-undang pertubuhan ini berkenaan korum dan penangguhan Perhimpunan Agung Tahunan boleh digunakan untuk Perhimpunan Agung Khas tetapi dengan syarat jika korum tidak mencukupi selepas setengah jam dari waktu yang telah ditetapkan bagi Perhimpunan Agung Khas atas permintaan ahli-ahli itu maka mesyuarat tersebut hendaklah dibatalkan dan dalam masa 6 bulan dari tarikh ini, Perhimpunan Agung Khas atas permintaan ahli-ahli dengan tujuan yang sama tidaklah boleh diadakan.
- (13) Setiausaha Agung hendaklah menghantar kepada semua Setiausaha Cawangan satu salinan draf minit tiap-tiap Perhimpunan Agung Tahunan dan Perhimpunan Agung Khas dengan seberapa segera yang boleh setelah selesainya mesyuarat itu.




FASAL 9**MAJLIS TERTINGGI, IBU PEJABAT DAN
JAWATANKUASA EKSEKUTIF MAJLIS TERTINGGI (EXCO PUSAT)**

- (1) Satu Jawatankuasa Pusat yakni Jawatankuasa Kebangsaan yang dinamakan sebagai Jawatankuasa Eksekutif Majlis Tertinggi (EXCO PUSAT) akan dipilih dalam perhimpunan agung untuk mentadbir dan mengurus segala urusan pertubuhan dan Majlis Tertinggi.
- (2) Pegawai-pegawai Pertubuhan berikut hendaklah dipilih di dalam Perhimpunan Agung Tahunan setiap dua tahun sekali :-

**JAWATANKUASA EKSEKUTIF MAJLIS TERTINGGI
(EXCO PUSAT)**

Seorang (1)	Presiden
Seorang (1)	Timbalan Presiden
Empat (4) orang	Naib Presiden
Seorang (1)	Ketua Penerangan
Seorang (1)	Ketua Wanita
Seorang (1)	Ketua Putera
Seorang (1)	Ketua Puteri
Seorang (1)	Penolong Ketua Penerangan
Seorang (1)	Penolong Ketua Wanita
Seorang (1)	Penolong Ketua Putera
Seorang (1)	Penolong Ketua Puteri
Lima (5) orang	Ahli Jawatankuasa Biasa
Dua (2) orang	Juru Odit Dalam

- (3) Pemegang-pemegang jawatan Pertubuhan ini dan tiap-tiap pegawai yang menjalankan tugas eksekutif dalam Pertubuhan ini hendaklah terdiri dari Warganegara Malaysia.
- (4) Nama-nama untuk jawatan-jawatan di atas hendaklah dicadangkan serta disokong oleh Cawangan Sah dan pemilihan akan dijalankan dengan cara mengundi oleh para perwakilan di dalam Perhimpunan Agung Tahunan. Semua pegawai boleh dipilih atau dilantik semula pada setiap kali adanya pemilihan jawatankuasa.



(5) Presiden yang terpilih dalam Perhimpunan Agung, dengan kuasa mutlaknya bolehlah melantik pegawai-pegawai tambahan untuk EXCO PUSAT seperti berikut:-

1. **Seorang (1) Naib Presiden**
2. **Seorang (1) Setiausaha Agung**
3. **Seorang (1) Bendahari Agung**
4. **Lima (5) Orang Ketua Zon**
5. **Dua (2) Orang Penolong Setiausaha Agung**
6. **Seorang (1) Penolong Bendahari Agung**
7. **Lima (5) Orang Ahli Jawatankuasa Biasa**

(6) Fungsi Jawatankuasa Pusat (EXCO Pusat) ialah mengelola dan mengaturkan kerja-kerja harian Pertubuhan dan membuat keputusan atas perkara-perkara mengenai perjalanan Pertubuhan mengikut dasar am yang telah ditetapkan oleh Perhimpunan Agung. Jawatankuasa seharusnya tidaklah boleh mengambil tindakan yang bertentangan dengan keputusan Perhimpunan Agung dengan tidak terlebih dahulu berhubung dengannya dan Jawatankuasa mestilah sentiasa mematuhi keputusan Perhimpunan Agung. Jawatankuasa hendaklah mengemukakan laporan berkenaan kegiatannya dalam tahun lalu kepada tiap-tiap Perhimpunan Agung Tahunan.

(7) Jawatankuasa Eksekutif Majlis Tertinggi (EXCO Pusat) hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam 3 bulan. Pengumuman bagi tiap-tiap mesyuarat hendaklah diberikan kepada ahli-ahli jawatankuasa pusat, 7 hari terlebih dahulu. Presiden dengan bersendirian atau tidak kurang daripada 12 orang ahli Jawatankuasa Pusat bersama-sama boleh memanggil supaya diadakan mesyuarat Jawatankuasa pada bila-bila masa. Sekurang-kurangnya satu perdua (1/2) daripada jumlah keseluruhan bilangan ahli Jawatankuasa Pusat yang layak hendaklah hadir bagi mengesahkan perjalanan dan mencukupkan korum mesyuarat.



- (8) Jika timbul perkara mustahak yang berkehendakkan kelulusan Jawatankuasa Pusat dan mesyuarat Jawatankuasa Pusat tidak dapat diadakan, maka Setiausaha Agung bolehlah mendapatkan kelulusan daripada ahli-ahli jawatankuasa pusat secara pengedaran surat pekeliling. Syarat-syarat mengenainya seperti berikut mestilah disempurnakan sebelum keputusan Jawatankuasa Pusat boleh dianggap sebagai telah diterima:
- (b) Masalah yang dibangkitkan itu hendaklah dibuktikan dengan terang di dalam surat pekeliling yang diedarkan kepada tiap-tiap ahli Jawatankuasa Pusat;
 - (c) Sekurang-kurangnya setengah daripada bilangan ahli Jawatankuasa Pusat mestilah menyatakan persetujuan atau bantahan mereka terhadap cadangan itu; dan
 - (d) Keputusan hendaklah dengan undi yang banyak.

Sebarang keputusan yang didapati melalui surat pekeliling hendaklah dilaporkan oleh Setiausaha Agung kepada mesyuarat Jawatankuasa berikutnya untuk disahkan dan dicatatkan di dalam minit mesyuarat.

- (9) Ahli Jawatankuasa pada mana-mana peringkat, sama ada pada peringkat Cawangan, Negeri atau Pusat yang mungkir menghadiri mana-mana mesyuarat Jawatankuasa **tiga kali berturut-turut** akan disifatkan sebagai telah meletakkan jawatan di dalam Jawatankuasa berkenaan.
- (10) Jika seorang ahli jawatankuasa meninggal dunia atau meletakkan jawatan, maka berkuasalah Presiden melantik ahli yang lain memenuhi kekosongan itu sehingga pemilihan dalam Perhimpunan Agung Tahunan diadakan.
- (11) Jawatankuasa Pusat boleh memberi perintah kepada Setiausaha Agung dan pegawai-pegawai lain untuk menjalankan urusan-urusan Pertubuhan. Ia boleh menggantung atau melucutkan jawatan sebarang pengurus atau kakitangan kerana cuai di dalam pekerjaan, curang, tidak cekap, engkar menjalankan keputusan Jawatankuasa Pusat atau kerana sebab-sebab yang difikirkan boleh merusakan kepentingan Pertubuhan.
- (12) Bagi tujuan penyelarasan, pentadbiran dan pengurusan pertubuhan secara berkesan dan mantap, maka Jawatankuasa Eksekutif Majlis Tertinggi (EXCO PUSAT) boleh menubuhkan beberapa jawatankuasa seperti **Jawatankuasa Negeri, Jawatankuasa Daerah, Jawatankuasa Kawasan, Jawatankuasa Bahagian, Jawatankuasa Kecil, Jawatankuasa Biro, Suruhanjaya, Jabatan** atau **Unit** jika difikirkan mustahak serta memberikan kewajipan khas kepada mana-mana ahli Jawatankuasa pada peringkat berkenaan serta melantik mana-mana ahli yang dianggap sesuai dan layak.



- (13) Kesemua jawatankuasa yang dibentuk menurut Fasal 9(11) atau Fasal 40 hendaklah mempunyai sekurang-kurang 7 orang ahli yang sah yang dilantik oleh EXCO PUSAT. Tugas, tanggungjawab dan kewajipan jawatankuasa ini adalah tertakluk kepada arahan Jawatankuasa Eksekutif Majlis Tertinggi (EXCO PUSAT). Jawatankuasa ini boleh dilantik, dibentuk, diubah atau dibubar oleh EXCO PUSAT pada bila-bila masa.
- (14) Jika perlu, menurut Fasal 9(11) atau Fasal 40 Presiden boleh menubuhkan satu jawatankuasa yang dinamakan sebagai "**Majlis Tindakan Presiden**" (*President Action Council - PAC*) yang keahliannya terdiri daripada beberapa ahli dan orang jemputan yang dilantik oleh Presiden.
- (15) **Majlis Tindakan Presiden** ini adalah bertujuan melancarkan pentadbiran dan pengurusan Ibu Pejabat dan Pertubuhan.
- (16) **Mesyuarat Majlis Tindakan Presiden** boleh diadakan atas kehendak dan arahan dari Presiden Pertubuhan. Mesyuarat ini boleh membawa serta membuat keputusan-keputusan, usul-usul, cadangan-cadangan atau resolusi-resolusi yang berkaitan hal ehwal pertubuhan untuk dibawa ke peringkat Majlis Tertinggi dan Perhimpunan Agung untuk diluluskan.

FASAL 10 KEWAJIPAN-KEWAJIPAN PEGAWAI JAWATANKUASA PUSAT

- (1) **Presiden**, dalam masa menyandang jawatannya, hendaklah menjadi pengerusi semua mesyuarat agung dan semua mesyuarat Jawatankuasa dan bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan semua mesyuarat. Ia mempunyai undi pemutus dan hendaklah ia menandatangani peringatan mesyuarat bila telah diluluskan. Ia hendaklah menandatangani semua cek Pertubuhan bersama-sama dengan Setiausaha Agung atau Bendahari Agung.
- (2) **Timbalan Presiden** hendaklah memangku jawatan Presiden semasa ketiadaannya.



- (13) Kesemua jawatankuasa yang dibentuk menurut Fasal 9(11) atau Fasal 40 hendaklah mempunyai sekurang-kurang 7 orang ahli yang sah yang dilantik oleh EXCO PUSAT. Tugas, tanggungjawab dan kewajipan jawatankuasa ini adalah tertakluk kepada arahan Jawatankuasa Eksekutif Majlis Tertinggi (EXCO PUSAT). Jawatankuasa ini boleh dilantik, dibentuk, diubah atau dibubar oleh EXCO PUSAT pada bila-bila masa.
- (14) Jika perlu, menurut Fasal 9(11) atau Fasal 40 Presiden boleh menubuhkan satu jawatankuasa yang dinamakan sebagai "Majlis Tindakan Presiden" (*President Action Council - PAC*) yang keahliannya terdiri daripada beberapa ahli dan orang jemputan yang dilantik oleh Presiden.
- (15) **Majlis Tindakan Presiden** ini adalah bertujuan melancarkan pentadbiran dan pengurusan Ibu Pejabat dan Pertubuhan.
- (16) **Mesyuarat Majlis Tindakan Presiden** boleh diadakan atas kehendak dan arahan dari Presiden Pertubuhan. Mesyuarat ini boleh membawa serta membuat keputusan-keputusan, usul-usul, cadangan-cadangan atau resolusi-resolusi yang berkaitan hal ehwal pertubuhan untuk dibawa ke peringkat Majlis Tertinggi dan Perhimpunan Agung untuk diluluskan.

FASAL 10 KEWAJIPAN-KEWAJIPAN PEGAWAI JAWATANKUASA PUSAT

- (1) **Presiden**, dalam masa menyandang jawatannya, hendaklah menjadi pengerusi semua mesyuarat agung dan semua mesyuarat Jawatankuasa dan bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan semua mesyuarat. Ia mempunyai undi pemutus dan hendaklah ia menandatangani peringatan-mesyuarat bila telah diluluskan. Ia hendaklah menandatangani semua cek Pertubuhan bersama-sama dengan Setiausaha Agung atau Bendahari Agung.
- (2) **Timbalan Presiden** hendaklah memangku jawatan Presiden semasa ketiadaannya.



- (3) **Naib Presiden** yang dipilih serta dilantik oleh Presiden hendaklah memangku jawatan Timbalan Presiden semasa ketiadaannya. Naib-naib Presiden perlu membantu Presiden dan Timbalannya dalam segala tugas dan tanggungjawab dalam pertubuhan.
- (4) **Ketua Zon** hendaklah membantu operasi pengurusan dan pentadbiran pertubuhan dengan membantu tugas-tugas khas yang diamanahkan oleh Presiden.
- (5) **Setiausaha Agung** hendaklah menjalankan kerja pentadbiran Pertubuhan mengikut undang-undang dan hendaklah ia menjalankan perintah Perhimpunan Agung dan Jawatankuasa Eksekutif Majlis Tertinggi (EXCO PUSAT). Ia bertanggungjawab mengendalikan urusan surat-menyurat dan menyimpan semua buku, surat dan kertas kecuali akaun dan buku-buku kewangan. Setiausaha Agung hendaklah menyimpan buku daftar ahli yang mengandungi butir-butir seperti nama, tempat dan tarikh lahir, nombor kad pengenalan, pekerjaan, nama dan alamat majikan dan alamat rumah tiap-tiap ahli. Ia hendaklah hadir di dalam semua mesyuarat dan membuat catatan mesyuarat. Jika perlu, ia hendaklah menandatangani semua cek Pertubuhan bersama-sama dengan Presiden atau Bendahari Agung. Setiausaha Agung hendaklah dalam masa 60 hari dari tarikh Perhimpunan Agung Tahunan diadakan mengirim Laporan Tahunan Pertubuhan kepada Pendaftar Pertubuhan Belia sebagaimana yang dikehendaki di bawah Akta 668, Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007.
- (6) **Penolong Setiausaha Agung** hendaklah menolong Setiausaha Agung menjalankan kerja-kerja dan memangku jawatan itu semasa ketiadaan Setiausaha Agung.
- (7) **Bendahari Agung** adalah bertanggungjawab berkenaan semua hal kewangan Pertubuhan. Ia hendaklah membuat dan menyimpan kira-kira berkenaan semua pekara kewangan dan bertanggungjawab di atas ketepatannya. Jika perlu, ia hendaklah menandatangani semua cek Pertubuhan bersama-sama dengan Presiden atau Setiausaha Agung. **Penolong Bendahari Agung** adalah bertindak membantu Bendahari Agung serta memangku bila berlaku kekosongan.
- (8) **Ketua Penerangan** hendaklah menjalankan tugasnya yang diarahkan Jawatankuasa Pusat serta urusan berkaitan dengan penerangan dan publisiti kepada ahli-ahli. **Penolong Ketua Penerangan** adalah bertindak membantu Ketua Penerangan serta memangku bila berlaku kekosongan.



- (9) **Ketua Wanita** hendaklah menjalankan tugasnya yang diarahkan Jawatankuasa Pusat serta urusan berkaitan dengan hal ehwal wanita. **Penolong Ketua Wanita** adalah bertindak membantu Ketua Wanita serta memangku bila berlaku kekosongan.
- (10) **Ketua Putera** hendaklah menjalankan tugasnya yang diarahkan Jawatankuasa Pusat serta urusan berkaitan dengan hal ehwal ahli-ahli putera berusia 15 - 30 tahun. **Penolong Ketua Putera** adalah bertindak membantu Ketua Putera serta memangku bila berlaku kekosongan.
- (11) **Ketua Puteri** hendaklah menjalankan tugasnya yang diarahkan Jawatankuasa Pusat serta urusan berkaitan dengan hal ehwal ahli-ahli puteri berusia 15 - 30 tahun. **Penolong Ketua Puteri** adalah bertindak membantu Ketua Puteri serta memangku bila berlaku kekosongan.
- (12) **Ahli Jawatankuasa Biasa** hendaklah membantu Jawatankuasa Pusat menjalankan tugas yang diarahkan olehnya.

FASAL 11 KEWANGAN

- (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan yang berikut bagi peraturan ini wang Pertubuhan ini boleh digunakan untuk perkara yang berfaedah bagi menjalankan tujuan-tujuan Pertubuhan, termasuklah belanja pentadbiran, bayaran gaji, biayaan dan perbelanjaan pegawai-pegawai dan kakitangan yang bergaji serta upah memeriksa kira-kira. Walaubagaimanapun, wang itu tidaklah boleh digunakan untuk membayar denda ahli yang telah dijatuhkan hukuman oleh Mahkamah.
- (2) Bendahari dibenarkan menyimpan wang runcit tidak lebih daripada **RM 3000.00 (Tiga Ribu Ringgit Malaysia)** pada sesuatu masa. Wang yang lebih daripada jumlah itu mestilah dimasukkan ke dalam bank yang diluluskan oleh Jawatankuasa. Kira-kira bank itu hendaklah di atas nama Pertubuhan.
- (3) Segala cek atau kenyataan pengeluaran wang dari kira-kira Pertubuhan hendaklah ditandatangani oleh kesemua tiga orang pegawai iaitu Presiden, Setiausaha Agung dan Bendahari Agung. Semasa ketiadaan Presiden, Setiausaha Agung atau Bendahari Agung maka bolehlah Jawatankuasa Eksekutif Majlis Tertinggi (EXCO PUSAT) melantik sesiapa diantara mereka sebagai pengganti untuk menandatangani cek atau kenyataan pengeluaran wang Pertubuhan.



- (4) Perbelanjaan yang lebih daripada **RM 50,000.00 (Lima Puloh Ribu Ringgit Malaysia)** bagi sesuatu masa tidak boleh dibayar dengan tidak diluluskan terlebih dahulu oleh Jawatankuasa EXCO Pusat, dan perbelanjaan yang lebih daripada **RM 100,000.00 (Satu Ratus Ribu Ringgit Malaysia)** bagi sesuatu masa tidak boleh dilakukan tanpa mendapat kebenaran mesyuarat agung terlebih dahulu. Perbelanjaan yang kurang daripada daripada **RM 50,000.00 (Lima Puloh Ribu Ringgit Malaysia)** bagi sesuatu masa bolehlah diluluskan oleh Presiden bersama Setiausaha Agung dan Bendahari Agung.
- (5) Penyata darihal wang yang diterima dan dibelanjakan serta kunci kira-kira bagi setahun hendaklah disediakan oleh Bendahari Agung dan diperiksa oleh Juru Odit Dalam (Pemeriksa Kira-kira) yang dilantik di bawah Fasal 12 undang-undang ini dengan seberapa segera setelah tamatnya tahun kewangan. Penyata kira-kira yang telah di odit itu hendaklah dikemukakan untuk diluluskan oleh Perhimpunan Agung Tahunan yang berikut dan salinannya hendaklah dibekalkan untuk makluman ahli di tempat urusan Pertubuhan.
- (6) Tahun kewangan Pertubuhan ini bermula dari **1hb. Januari** dan berakhir pada **31hb. Disember** tiap-tiap tahun.
- (7) Jawatankuasa yang dibentuk menurut **Fasal 9 (12)**, boleh membuka akaun bank masing-masing dengan syarat mendapat Surat Kebenaran dari EXCO PUSAT serta syarat-syarat pengurusan akaun dan kewangan adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh EXCO PUSAT.

FASAL 12 JURU ODIT DALAM

- (1) Dua orang ahli yang bukannya Pegawai Pertubuhan hendaklah dipilih di dalam Perhimpunan Agung Tahunan sebagai Juru Odit Dalam. Mereka akan memegang jawatan selama **Dua Tahun** dan boleh dilantik semula.
- (2) Juru Odit Dalam adalah dikehendaki memeriksa kira-kira Pertubuhan bagi setiap tahun dan membuat laporan atau pengesahan untuk Perhimpunan Agung Tahunan. Mereka juga dikehendaki pada bila-bila masa oleh Presiden mengaudit kira-kira Pertubuhan bagi mana-mana masa di dalam tempoh perkhidmatan mereka dan membuat laporan kepada Jawatankuasa.



FASAL 13 PEMEGANG AMANAH, PENASIHAT & YANG DI PERTUA

- (1) Tiga orang Pemegang Amanah yang berumur lebih daripada 21 tahun hendaklah dilantik di dalam Perhimpunan Agung atau secara lantikan oleh Majlis Tertinggi dan mereka akan berkhidmat selama yang dikehendaki oleh Pertubuhan. Semua harta tetap kepunyaan Pertubuhan akan diamanahkan kepada mereka dengan menandatangani suatu Surat Amanah (Deed of Trust).
- (2) Pemegang Amanah tidak boleh menjual, menarik balik atau memindahkan hakmilik harta kepunyaan Pertubuhan dengan tidak mendapat kelulusan dan kuasa yang diberikan oleh Perhimpunan Agung Pertubuhan. EXCO Pusat dan Perwakilan Perhimpunan Agung adalah mempunyai hak mutlak dalam menentukan hak keatas harta benda pertubuhan, bila berlaku satu keadaan cawangan, majlis atau ibu pejabat terbatal atau tidak sah.
- (3) Seseorang Pemegang Amanah, Penasihat atau Yang Di Pertua itu boleh dilucutkan daripada jawatannya oleh Perhimpunan Agung atau Majlis Tertinggi oleh sebab uzur kerana penyakit, tidak siaman, tidak berada di dalam negeri atau kerana sebab lain yang mengakibatkan ia tidak dapat menjalankan tugasnya atau pekerjaannya dengan memuaskan. Jika berlaku kematian, perletakkan jawatan atau pembuangan bagi mana-mana seseorang, maka kekosongan itu bolehlah dipenuhi secara perlantikan baru oleh EXCO Pusat.
- (4) Tiga orang Penasihat yang berumur lebih daripada 21 tahun boleh dilantik jika perlu, di dalam Perhimpunan Agung atau pada bila-bila masa oleh EXCO PUSAT. Mereka akan berkhidmat selama yang dikehendaki oleh Pertubuhan serta hanya melibatkan diri dalam hal ehwal penasihat dan bimbingan sahaja. Penasihat tidak mempunyai kuasa eksekutif. Surat Perlantikan akan dikeluarkan oleh EXCO PUSAT.
- (5) Seorang Yang Di Pertua dan seorang Timbalan Yang Di Pertua yang berumur lebih daripada 21 tahun boleh dilantik jika perlu, di dalam Perhimpunan Agung atau pada bila-bila masa oleh Majlis Tertinggi/ EXCO PUSAT. Mereka akan berkhidmat selama yang dikehendaki oleh Pertubuhan serta tidak mempunyai kuasa eksekutif. Tugas dan tanggungjawab mereka akan ditetapkan oleh EXCO PUSAT. Surat Perlantikan akan dikeluarkan oleh EXCO PUSAT.
- (6) Pemegang Amanah, Penasihat atau Yang Di Pertua tidak mempunyai kuasa eksekutif. Surat Perlantikan akan dikeluarkan oleh EXCO PUSAT/ Majlis Tertinggi.

FASAL 14 PENAUNG

Jawatankuasa boleh, jika difikirkan perlu, melantik orang-orang yang layak menjadi Penaung bagi Pertubuhan ini dengan syarat Surat Perlantikan dikeluarkan oleh EXCO Pusat kepada orang berkenaan. Penaung tidak mempunyai kuasa eksekutif.



FASAL 17 MESYUARAT AGONG TAHUNAN CAWANGAN

1. Mesyuarat Agong Tahunan bagi Cawangan hendaklah di adakan pada atau sebelum **30hb. Jun** pada setiap tahun. Walau bagaimana pun tarikh ini bergantung kepada arahan dari semasa ke semasa oleh Ibu Pejabat berdasarkan **Fasal 41(2)**. Jika mesyuarat agong ini gagal diadakan dalam tempuh yang ditetapkan, maka Pengeruasi atau Setiausaha Cawangan hendaklah mendapatkan kebenaran bertulis dari pihak Ibu Pejabat untuk mengadakan mesyuarat ini.
2. Tarikh, masa dan tempat mesyuarat ini hendaklah di tetapkan oleh Jawatankuasa Cawangan serta ianya direstui oleh Jawatankuasa Negeri dan Pusat. Mesyuarat ini hendaklah di umumkan kepada ahli-ahli dengan memberi notis serta salinan Laporan Aktiviti Tahunan, Penyata Kira-Kira Tahunan yang sempurna di odit bagi tahun lalu sekurang-kurangnya empat belas (14) hari sebelum mesyuarat ini di adakan.

Agenda Mesyuarat Agong hendaklah mengandungi perkara-perkara berikut;

1. Menerima laporan aktiviti Jawatankuasa-Jawatankuasa berkenaan.
 2. Menerima laporan Bendahari dan Penyata Akaun yang telah di oditkan bagi tahun berkenaan.
 3. Memilih Ahli Jawatankuasa Cawangan untuk penggal yang baru, diadakan setiap **dua (2) tahun** sekali.
 4. Menguruskan perkara-perkara lain yang dibangkitkan untuk dibentangkan dalam mesyuarat ini.
3. Korum untuk Mesyuarat Agong Cawangan ialah, sekurang-kurangnya 20 orang ahli sah yang layak mengundi atau dua (2) kali jumlah Ahli Jawatankuasa ikut mana yang kurang hendaklah hadir di dalam Mesyuarat Agong bagi pengesahkan perjalanan mesyuarat.
 4. Jika korum tidak cukup selepas satu jam (60) minit daripada waktu yang di tetapkan maka mesyuarat ini hendaklah di tangguhkan kepada satu tarikh tidak lebih daripada tiga puluh (30) hari yang akan di tetapkan oleh Ahli Jawatankuasa. Sekiranya pada tarikh baru yang telah ditetapkan masih terjadi masalah ketidak cukupan korum, maka berkuasalah ahli-ahli yang hadir untuk menjalankan mesyuarat itu, tetapi tidak berkuasa membuat keputusan- keputusan yang melibatkan majoriti ahli-ahli.



BAHAGIAN : III

FASAL 15 PENUBUHAN DAN PEMBUBARAN CAWANGAN-CAWANGAN

- (1) Cawangan boleh ditubuhkan dengan kebenaran dan kelulusan dari Jawatankuasa Pusat
- (2) Semua cawangan wajib serta sentiasa mematuhi undang-undang pertubuhan, dan arahan serta nasihat dari Jawatankuasa Eksekutif Majlis Tertinggi (EXCO Pusat), Jawatankuasa Negeri, Jawatankuasa Daerah/Kawasan/ Bahagian.
- (3) Sesuatu Cawangan boleh ditubuhkan, jika terdapat permohonan dari sekurang-kurangnya **tiga puluh (30) orang ahli** dari satu-satu kawasan atau tempat. Yuran Penubuhan Cawangan ialah RM 100.00 dan ia perlu dibayar kepada Ibu Pejabat MIYC.
- (4) Setiap penubuhan Cawangan terlebih dahulu hendaklah di luluskan di mana-mana Mesyuarat EXCO Pusat serta mendapat kebenaran dan kelulusan dari Pendaftar Pertubuhan Belia.

FASAL 16 CAWANGAN MENJADI TIDAK SAH

Sesuatu Cawangan menjadi tidak sah di sisi undang-undang Pertubuhan, bila mana Cawangan berkenaan :

1. Tidak mengadakan Mesyuarat Agong Tahunan Cawangan berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.
2. Tidak mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa sebanyak tiga (3) kali berturut-turut dalam tempoh yang di tetapkan.
3. Tidak menghadiri mana-mana Mesyuarat Negeri atau Mesyuarat Pusat yang layak dan wajib dihadiri, tetapi tidak menghadirinya tanpa alasan yang boleh diterima oleh Ibu Pejabat.
4. Telah menerima notis atau arahan dari EXCO Pusat atau Ibu Pejabat. Ibu Pejabat berhak menahan mana-mana Cawangan daripada berfungsi atas sebab-sebab tertentu menurut mana-mana undang-undang pertubuhan ini.



5. Ibu Pejabat (Majlis Tertinggi) akan memberi arahan kepada Jawatankuasa Negeri atau Jawatankuasa Daerah/ Kawasan/ Bahagian serta menghantar beberapa Pegawai Penyelaras Mesyuarat berserta dengan pembantu - pembantunya untuk menguruskan perjalanan mesyuarat dan pemilihan. Pegawai-pegawai penyelaras ini adalah berkuasa penuh untuk meneruskan atau membatalkan mesyuarat ini sekiranya terdapat bantahan atau kekecohan.

Pemilihan Jawatankuasa Cawangan boleh di lakukan secara undi sulit atau pun secara mengangkat tangan. Pegawai Penyelaras Mesyuarat akan membuat keputusan, dan ia adalah muktamad.

Sebelum pemilihan baru di buat, Jawatankuasa semasa hendaklah menyerahkan segala dokumen yang diamanahkan kepada mereka dan ini diserahkan secara rasmi kepada Pegawai Penyelaras Mesyuarat.

6. Semua Jawatan-Jawatan dibawah adalah dipilih dalam Mesyuarat Agong Tahunan Cawangan bagi setiap dua tahun sekali.

Jawatankuasa Cawangan Secara Pemilihan :

1. Seorang (1) Ketua Cawangan
2. Seorang (1) Naib Ketua Cawangan
3. Seorang (1) Setiausaha Kehormat
4. Seorang (1) Bendahari Kehormat
5. Seorang (1) Ketua Penerangan
6. Seorang (1) Ketua Wanita
7. Seorang (1) Ketua Putera (Umur : 15 - 30 tahun)
8. Seorang (1) Ketua Puteri (Umur : 15 - 30 tahun)
9. Dua (2) Orang Ahli Jawatankuasa Biasa
10. Dua (2) Orang Juru Odit Dalam

7. Ketua Cawangan adalah berhak melantik pegawai-pegawai berikut. Pegawai yang dilantik boleh dipecat, diganti atau ditukar jawatan atas kuasa perantikan Ketua Cawangan.

Jawatankuasa Cawangan Secara Perantikan :

1. Seorang (1) Penolong Setiausaha Kehormat
2. Dua (2) Orang Ahli Jawatankuasa Biasa



FASAL 18 MESYUARAT AGUNG KHAS BAGI CAWANGAN

1. Jawatankuasa Cawangan berhak mengadakan mesyuarat ini untuk menyelesaikan isu-isu yang perlu diselesaikan dengan segera.
2. Mesyuarat ini juga boleh diadakan dengan mendapat kebenaran dari ahli-ahli Cawangan dimana ia mesti di tandatangani oleh lebih daripada 20 orang ahli sah atau dua (2) kali jumlah Ahli Jawatankuasa Cawangan berkenaan.
3. Mesyuarat ini hendaklah di jalankan oleh Jawatankuasa Cawangan dalam tempuh dua puluh satu (21) hari dari tarikh penerimaan notis berkenaan yang di sertakan bersama dengan alasan-alasan yang kukuh untuk memanggil mesyuarat ini.
4. Mesyuarat ini hanya berhak membincangkan perkara-perkara yang di sebutkan dalam agenda panggilan mesyuarat ini. Perkara selain daripada ini tidak boleh di bincangkan.
5. Pengumuman mengenai mesyuarat ini hendaklah di buat oleh jawatankuasa dalam tempuh sepuluh (10) hari sebelum mesyuarat ini di adakan. Pengumuman ini juga hendaklah di hantar kepada semua ahli-ahli Cawangan, Jawatankuasa Negeri/ Daerah/ Bahagian/ Kawasan serta ke pihak Ibu Pejabat.
6. Sekiranya tidak cukup korum, mesyuarat ini hendaklah di- batalkan dan mesyuarat yang sama atas permintaan ahli-ahli tidak boleh di adakan dalam tempuh dua (2) bulan.

FASAL 19 MESYUARAT AHLI JAWATANKUASA CAWANGAN

1. Jawatankuasa Cawangan hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya satu kali dalam tempuh dua bulan.
2. Notis selama tujuh (7) hari hendaklah di beri kepada para ahli Jawatankuasa untuk menghadiri mesyuarat ini, kecuali dalam keadaan terdesak notis selama tiga (3) hari sudah memadai.



3. Setiausaha Kehormat hendaklah bertindak memanggil mesyuarat ini sekiranya LIMA (5) atau lebih ahli jawatankuasa telah menandatangani notis untuk memanggil mesyuarat ini. Mesyuarat ini hendaklah di adakan dalam masa empat belas (14) hari dari notis berkenaan. Kehadiran sekurang-kurangnya 50% daripada jumlah ahli jawatankuasa adalah mencukupi korum.

FASAL 20 KEKOSONGAN DALAM AHLI JAWATANKUASA CAWANGAN.

Bila sesuatu kekosongan berlaku dalam senarai Ahli Jawatankuasa Cawangan, hendaklah di isi seperti berikut;

1. Bagi jawatan Ketua Cawangan, ia hendaklah di pangku oleh Naib Ketua Cawangan sehingga tempoh yang sah.
2. Bagi lain-lain jawatan dalam Jawatankuasa Cawangan adalah di pangku oleh ahli yang sah yang akan ditetapkan atau dilantik oleh Ketua Cawangan.
3. Semua kekosongan yang diisi atau dipangku oleh pengganti adalah berhak mutlak dalam menjalankan tugas-tugas seperti yang termaktub dalam undang-undang pertubuhan. Ketua Cawangan adalah berhak dalam menentukan pemangku atau pengganti bagi jawatan yang kosong.

FASAL 21 PEMILIHAN PERWAKILAN CAWANGAN

1. Jawatankuasa Cawangan berhak menghantar seramai LIMA (5) orang perwakilan dan LIMA (5) orang pemerhati ke Mesyuarat Agung Tahunan Perwakilan Negeri dan Majlis Perhimpunan Agung Tahunan Perwakilan Kehangsaan (Ibu Pejabat).
2. Nama-nama perwakilan ke Mesyuarat Agung Tahunan Perwakilan Negeri dan Majlis Perhimpunan Agung Perwakilan Tahunan Kebangsaan (Ibu Pejabat) hendaklah dihantar oleh Setiausaha Cawangan kepada Setiausaha Agung atau Ibu Pejabat tidak lewat daripada 30 hari selepas penerimaan Notis Panggilan Perhimpunan Agung. Pemilihan perwakilan boleh dibuat dalam mesyuarat agung tahunan cawangan atau mana-mana 5 orang pegawai utama dalam Jawatankuasa Cawangan yang dipilih secara undi oleh Jawatankuasa Cawangan tersebut.



FASAL 22 TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB AHLI JAWATANKUASA CAWANGAN

1. **Ketua Cawangan** hendaklah menguruskan serta menjalankan Mesyuarat Jawatankuasa, Mesyuarat Agong Tahunan atau Mesyuarat Agong Luar Biasa. Ketua Cawangan mempunyai undi penentu apabila terdapat undi-undi yang sama banyak dalam menerima atau menolak mana-mana keputusan. Beliau juga bertanggungjawab untuk menentukan tertibnya mana-mana mesyuarat yang di ketuainya.
2. **Naib Ketua Cawangan** membantu Ketua Cawangan dalam menjalankan semua tugas-tugas ketua serta akan memangku jawatan Ketua Cawangan bila kekosongan berlaku.
3. **Setiausaha Kehormat Cawangan** adalah bertanggungjawab dalam hal surat-menyurat serta mencatatkan dan menyiapkan minit-minit mesyuarat, mengemaskini buku pendaftaran ahli-ahli dan fail-fail berkaitan keahlian serta tugas-tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa oleh Ketua Cawangan atau Jawatankuasa Cawangan. Hendaklah menghantar segala laporan Mesyuarat Agong Tahunan kepada Setiausaha Agong atau ke Ibu Pejabat melalui Setiausaha Kehormat Negeri dalam tempoh tidak lebih dari tiga puluh (30) hari dari tarikh mesyuarat berkenaan di adakan.
4. **Penolong Setiausaha Kehormat** membantu dalam semua tugas-tugas serta memangku jawatan Setiausaha Kehormat ketika kekosongan berlaku.
5. **Bendahari Kehormat** adalah bertanggungjawab sepenuhnya dalam semua urusan yang melibatkan kewangan seperti menerima yuran-yuran, menyimpan, mengemaskini serta menyiapkan penyata kewangan dari masa ke semasa dan mengeluarkan resit-resit serta memfail dokumen-dokumen kewangan yang terlibat.

Bendahari Kehormat hendaklah menyediakan Laporan Kewangan dan Penyata Akaun Tahunan Cawangan untuk di odit, dibahas atau diterima di Mesyuarat Agong Tahunan. Bendahari Kehormat hendaklah menghantar segala Laporan dan Penyata Perbelanjaan dan Penerimaan Tahunan yang berkaitan dengan kewangan kepada Ibu Pejabat melalui Jawatankuasa Negeri/ Bendahari Kehormat Negeri dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh Mesyuarat Agong Tahunan di adakan.

Bendahari kehormat Cawangan tidak boleh memegang lebih dari RM 1000.00 (Satu Ribu Ringgit Malaysia) pada bila-bila masa. Wang selebihnya hendaklah di masukan ke dalam Akaun Cawangan di mana-mana bank yang di persetujui oleh Jawatankuasa Cawangan dan direstui oleh Ibu Pejabat.



6. **Ketua Penerangan** hendaklah menjalankan tugasnya yang diarahkan Jawatankuasa Pusat serta urusan berkaitan dengan penerangan dan publisiti kepada ahli-ahli.
7. **Ketua Wanita** hendaklah menjalankan tugasnya yang diarahkan Jawatankuasa Pusat serta urusan berkaitan dengan hal ehwal wanita.
8. **Ketua Putera** hendaklah menjalankan tugasnya yang diarahkan Jawatankuasa Pusat serta urusan berkaitan dengan hal ehwal ahli-ahli putera berusia 15 - 30 tahun.
9. **Ketua Puteri** hendaklah menjalankan tugasnya yang diarahkan Jawatankuasa Pusat serta urusan berkaitan dengan hal ehwal ahli-ahli puteri berusia 15 - 30 tahun.
10. **Ahli Jawatankuasa Biasa** hendaklah membantu Jawatankuasa Pusat menjalankan tugas yang diarahkan olehnya.

FASAL 23 JURU ODIT DALAM CAWANGAN

1. Dua (2) orang **Juru Odit Dalam** yang di pilih dalam Mesyuarat Agong Tahunan hendaklah memeriksa segala Laporan Kewangan Dan Penyata Akaun dengan teliti sebelum meluluskan dokumen-dokumen tersebut.
2. Para Juru Odit adalah berhak mendapatkan segala dokumen untuk siasatan laporan yang di sediakan.



FASAL 24 CAWANGAN YANG TIDAK SAH

1. Tidak layak menghadiri Mesyuarat Agung Perwakilan Negeri dan Perhimpunan Agung Perwakilan Kebangsaan atau pun sebarang mesyuarat dan perhimpunan di mana-mana peringkat.
2. Tidak layak menghantar wakil atau peserta untuk menyertai sebarang aktiviti di mana-mana peringkat dan juga tidak boleh mengadakan sebarang aktiviti sepanjang tempuh berkenaan.
3. Cawangan tidak mempunyai sebarang hak dan tidak berkuasa sepanjang tempuh berkenaan.
4. Ahli-ahli dari Cawangan berkenaan adalah tidak layak bertanding atau mengundi sepanjang tempuh berkenaan di mana-mana peringkat.
5. Jawatankuasa Negeri atas arahan dari EXCO Pusat perlu bertindak untuk memulihkan Cawangan yang tidak sah.

FASAL 25 KUASA PERBELANJAAN CAWANGAN, YURAN PERWAKILAN DAN YURAN TAHUNAN

1. Jawatankuasa Cawangan adalah berhak meluluskan tidak lebih daripada sepuluh ribu (RM 10,000.00) Ringgit Malaysia untuk mana-mana aktiviti di peringkat cawangan.
2. Permohonan perbelanjaan ini hendaklah diluluskan bersama oleh Ketua Cawangan, Setiausaha Kehormat & Bendahari Kehormat dalam mana-mana Mesyuarat Jawatankuasa Cawangan berkenaan.
3. Perbelanjaan yang melebihi RM 10,000.00, Jawatankuasa Cawangan hendaklah mendapat kebenaran bertulis dari Majlis Tertinggi/ Ibu Pejabat.
4. Setiap Cawangan, setiap tahun hendaklah membayar Yuran Tahunan sebanyak RM 30 kepada Ibu Pejabat dan RM 20 kepada Majlis Negeri.
5. Setiap Cawangan juga perlu membayar Yuran Perwakilan setiap tahun sebanyak RM 30 kepada Ibu Pejabat dan RM 20 kepada Majlis Negeri.
6. Jika perlu Majlis Tertinggi dan Majlis Negeri dengan kebenaran Ibu Pejabat boleh mengenakan yuran lain-lain keatas Cawangan atas arahan dan keputusan dari EXCO Pusat.



BAHAGIAN : IV

FASAL 26 MAJLIS NEGERI & JAWATANKUASA PERHUBUNGAN NEGERI

1. Ibu Pejabat boleh menubuhkan serta mendaftarkan Majlis Negeri dan mewujudkan Jawatankuasa Negeri di mana-mana negeri yang mempunyai sekurang-kurangnya TIGA (3) buah Cawangan yang berdaftar dengan mendapatkan kebenaran dari Pendaftar Pertubuhan Belia.
2. Mesyuarat Agung Tahunan Perwakilan Negeri adalah merupakan perjumpaan tahunan perwakilan dari semua Cawangan yang SAH dalam negeri berkenaan. Mesyuarat ini di adakan setiap tahun.
3. Mesyuarat tahunan ini hendaklah di adakan pada atau sebelum 30hb Ogos pada tiap-tiap tahun. Walaubagaimana ia juga tertakluk kepada sebarang pindaan dan keputusan Ibu Pejabat dari semasa ke semasa menurut Fasal 41.
4. Tarikh, masa dan tempat mesyuarat ini di adakan akan di tetapkan oleh Jawatankuasa Negeri diatas arahan dari Ibu Pejabat.
5. Majlis Negeri hendaklah menghantar segala laporan berkaitan dengan Mesyuarat Perwakilan Tahunan Negeri kepada Setiausaha Agung dalam tempuh tidak lebih dari tiga puluh (30) hari dari tarikh Mesyuarat Perwakilan ini di adakan.
6. Majlis Negeri hendaklah menghantar segala laporan serta dokumen yang dihantarkan oleh Setiausaha Kehormat Cawangan, kepada Setiausaha Agung dalam tempuh tidak lebih dari tujuh (7) hari dari tarikh penerimaan dokumen berkenaan.
7. Bendahari Kehormat Majlis Negeri hendaklah menghantar salinan penyata akaun tahunan dan laporan kewangan bagi negeri berkenaan dalam tempuh tiga puluh (30) hari dari tarikh Mesyuarat Perwakilan Tahunan Negeri di adakan kepada Ibu Pejabat. Beliau juga perlu menghantar salinan segala laporan kewangan yang diterima dari Cawangan dan menghantar dokumen berkenaan kepada Ibu Pejabat dalam tempuh tidak lebih dari tujuh (7) hari dari tarikh penerimaan dokumen berkenaan. Bendahari Kehormat Majlis Negeri juga perlu menghantar salinan penyata akaun tahunan negeri tahun lalu yang sempurna di odit kepada semua Cawangan berserta dengan notis mesyuarat yang dikeluarkan oleh Majlis Negeri .



8. Jika mana-mana Mesyuarat Agung Perwakilan Negeri gagal di adakan sebelum 30 hb Ogos, bagi tahun berkenaan bukan di sebabkan oleh arahan dari pihak Ibu Pejabat, maka dengan sendirinya Jawatankuasa Negeri itu adalah tidak SAH dan tidak boleh berfungsi seperti biasa di Peringkat Negeri. Majlis Negeri ini akan di tadbir oleh Ibu Pejabat sehingga keadaan di pulihkan menurut penggunaan Fasal 41.
9. Cawangan yang tidak sah adalah tidak layak menghadiri mesyuarat agung perwakilan negeri.

FASAL 27 KORUM MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PERWAKILAN NEGERI

1. Adalah mencukupi korum jika sekurang-kurangnya satu per tiga (1/3) daripada jumlah Cawangan yang sah dalam negeri berkenaan menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan Perwakilan Negeri. Jika berlaku satu keadaan dimana Mesyuarat Agung Perwakilan Negeri gagal di adakan kerana tidak cukup koram, maka dengan sendirinya Jawatankuasa Negeri itu adalah tidak SAH dan tidak boleh berfungsi seperti biasa di Peringkat Negeri. Majlis Negeri ini akan di tadbir oleh Ibu Pejabat sehingga keadaan di pulihkan menurut penggunaan Fasal 41.

FASAL 28 ATURCARA-ATURCARA MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PERWAKILAN NEGERI

Agenda-Agenda dalam mesyuarat ini adalah seperti berikut;

1. Menerima dan mengesahkan laporan tahunan dari Jawatankuasa Majlis Negeri.
2. Menerima dan mengesahkan Laporan Kewangan Dan Penyata Kewangan tahun lalu yang telah di oditkan oleh Juru Odit Dalam
3. Memilih Jawatankuasa Negeri yang akan diadakan **setiap dua (2) tahun** sekali yang terdiri daripada:
 - (A) **Jawatankuasa Perhubungan Negeri Secara Pemilihan :**
 1. Seorang (1) Pengerusi
 2. Seorang (1) Naib Pengerusi
 3. Seorang (1) Setiausaha Kehormat
 4. Seorang (1) Bendahari Kehormat
 5. Seorang (1) Ketua Penerangan
 6. Seorang (1) Ketua Wanita
 7. Seorang (1) Ketua Putera (Umur : 15-30 tahun)
 8. Seorang (1) Ketua Puteri (Umur : 15-30 tahun)
 9. Empat (4) Orang Ahli Jawatankuasa Biasa
 10. Dua (2) Orang Juru Odit Dalam



Pengerusi Negeri adalah berhak melantik pegawai-pegawai berikut. Pegawai yang dilantik boleh dipecat, diganti atau ditukar jawatan atas kuasa perantikan Pengerusi Negeri.

(B) Jawatankuasa Perhubungan Negeri Secara Perlantikan :

1. Seorang (1) Penolong Setiausaha Kehormat
 2. Seorang (1) Penolong Bendahari Kehormat
 3. Lima (5) Orang Ahli Jawatankuasa Biasa
4. Adalah tidak layak bertanding untuk mana-mana jawatan, jika seseorang itu; bukannya seorang perwakilan atau ahli yang tidak sah atau perwakilan dari Cawangan yang Tidak Sah ataupun ahli berkenaan telah dijatuhkan hukuman atau dikenakan tindakan tata-tertib atau tindakan disiplin oleh pertubuhan ataupun seorang yang diistiharkan bankrap oleh mana-mana mahkamah.

FASAL 29 MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PERWAKILAN NEGERI KHAS.

1. Sesuatu Mesyuarat Agung Tahunan Perwakilan Negeri Khas boleh di adakan sekiranya sekurang-kurangnya separuh (1/2) daripada jumlah perwakilan yang SAH dari Majlis Negeri dalam negeri berkenaan secara bertulis menyatakan sebab-sebab mengapa mesyuarat ini perlu diadakan.
2. Mesyuarat ini juga boleh di adakan atas arahan dari Ibu Pejabat.
3. Jawatankuasa Negeri hendaklah memberi notis dalam masa empat belas (14) hari kepada semua Cawangan sebelum mesyuarat ini di adakan.
4. Dalam mesyuarat khas ini, hanya perkara-perkara yang telah di nyatakan dalam notis panggilan mesyuarat sahaja boleh di bincangkan.
5. Sekiranya korum mesyuarat tidak mencukupi selepas satu jam (60) minit daripada waktu yang di ditetapkan, maka perhimpunan ini hendaklah di batalkan. Mesyuarat yang sama atas permintaan para perwakilan dalam negeri berkenaan tidak boleh di adakan dalam tempoh dua (2) bulan.



FASAL 30 FUNGSI-FUNGSI JAWATANKUASA PERHUBUNGAN NEGERI

1. Menyelia dan menjalankan urusan mesyuarat agung tahunan kesemua Cawangan dalam negeri berkenaan. Sebagai badan perhubungan diantara Ibu Pejabat dengan Cawangan, Jawatankuasa Cawangan, Jawatankuasa Daerah, Jawatankuasa Kawasan, Jawatankuasa Bahagian, ataupun apa jua jawatankuasa yang dibentuk oleh Pertubuhan. Majlis Negeri perlu menghantar Laporan mesyuarat-mesyuarat yang berlainan ke Ibu Pejabat dan melantik Pegawai Penyelaras dan pembantu-pembantu untuk menjalankan mesyuarat pada semua peringkat dalam negeri diatas arahan dari Ibu Pejabat.
2. Melantik beberapa ahli untuk membentuk jawatankuasa kecil jika dirasakan perlu, untuk menyelesaikan perkara-perkara kritikal atau untuk menjalankan aktiviti-aktiviti tertentu.
3. Untuk mengumpul dan merumus laporan-laporan dari Jawatankuasa pada semua peringkat dalam negeri, yang di bentuk di bawah mana-mana undang-undang pertubuhan dan kesemua salinan laporan ini hendaklah di hantar kepada Ibu Pejabat.
4. Bertindak mengikut arahan dari pihak Ibu Pejabat dari semasa ke semasa.
5. Pengerusi Negeri boleh melantik pemangku bagi mana-mana jawatan yang kosong dalam jawatankuasa ini.

FASAL 31 MESYUARAT JAWATANKUASA PERHUBUNGAN NEGERI

1. Jawatankuasa ini hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya satu (1) kali dalam tempoh dua (2) bulan atau mengikut arahan dari Pengerusi Negeri dengan memberi notis sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum mesyuarat ini di adakan dengan di sertakan tarikh, masa dan tempat mesyuarat.
2. Kehadiran lebih satu per tiga (1/3) orang ahli dalam jawatankuasa ini adalah mencukupi korum mesyuarat ini.



FASAL 32 TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEGAWAI-PEGAWAI DAN JAWATANKUASA PERHUBUNGAN MAJLIS NEGERI

Pengerusi

1. Bertanggung Jawab menjalankan kesemua tugas yang di amanahkan seperti menjalankan mesyuarat-mesyuarat serta beliau mempunyai hak undi penentu.
2. Beliau hendaklah mengesahkan minit-minit mesyuarat.
3. Bertindak menyelia serta mengetuai pengurusan dan pentadbiran majlis negeri dan semua majlis jawatankuasa dalam negeri.
4. Mengambil tindakan disiplin ke atas pegawai-pegawainya yang tidak berkerjasama.
5. Melantik, memecat atau mengganti mana-mana ahli jawatankuasa yang di lantik oleh beliau.
6. Kesemua dokumen, harta benda serta segala apa yang di amanahkan adalah di bawah jagaan beliau. Beliau boleh mengarahkan pegawai-pegawainya untuk membantu beliau dalam menguruskan kesemua di atas.

Naib Pengerusi

1. Membantu dalam menjalankan kesemua tugas dan tanggungjawab Pengerusi Negeri. Mempunyai kuasa sepenuhnya sebagai Pengerusi, bila memangku jawatan pengerusi bila berlaku kekosongan.

Setiausaha Kehormat

1. Bertindak menurut arahan dalam perlembagaan serta bertindak menurut arahan Pengerusi Negeri.
2. Bertanggungjawab dalam kesemua dokumen-dokumen, surat-menyurat, notis-notis serta laporan-laporan yang berkaitan mesyuarat-mesyuarat dan lain-lain tugas mengikut arahan.



3. Hendaklah menghantar segala laporan berkaitan dengan Mesyuarat Perwakilan Negeri Tahunan kepada Setiausaha Agong dan Setiausaha Cawangan-cawangan dalam tempoh tidak lebih dari tiga puluh (30) hari dari tarikh Mesyuarat Perwakilan Negeri di adakan.
4. Hendaklah menghantar segala laporan serta dokumen yang di hantar oleh Setiausaha Cawangan kepada Setiausaha Agong dalam tempoh tidak lebih dari tujuh (7) hari dari tarikh penerimaan dokumen berkenan.

Penolong Setiausaha Kehormat

1. Membantu Setiausaha Kehormat Negeri serta memangkunya sewaktu ketiadaanya.
2. Menjalankan tugas atas arahan dari Pengerusi dan Jawatankuasa Negeri.

Bendahari Kehormat

1. Menerima serta merekod segala soal kewangan yang di terima dan dibelanja oleh Majlis Negeri. Mengeluarkan resit dan bawcher untuk bayaran dan penerimaan wang. Sentiasa mengemaskini kedudukan kewangan serta menyediakan laporan kewangan untuk setiap Mesyuarat Jawatankuasa Negeri.
2. Kesemua wang yang di terima hendaklah di masukkan ke dalam akaun Majlis Negeri di mana-mana bank yang di persetujui oleh Jawatankuasa Negeri serta di restui oleh Ibu Pejabat.
3. Kesemua wang yang di terima hendaklah di masukan ke dalam bank dalam tempoh tiga (3) hari dari hari wang itu di terima.
4. Seorang Bendahari Kehormat Negeri tidak boleh memegang lebih dari satu ribu ringgit (RM 1000.00) Ringgit Malaysia dalam tanganya pada bila-bila masa dan wang selebihnya hendaklah di masukan ke dalam akaun bank.
5. Pengeluaran wang dari bank hendaklah di tandatangi bersama oleh Pengerusi, Setiausaha Kehormat dan Bendahari Kehormat.



6. Menghantar salinan penyata akaun tahunan dan laporan kewangan bagi Negeri dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh Mesyuarat Agung Tahunan Perwakilan Negeri di adakan kepada Ibu Pejabat.
7. Bendahari Kehormat Negeri juga perlu menghantar salinan segala laporan kewangan yang di terima dari Cawangan atau pun mana-mana jawatankuasa dalam negeri berkenaan kepada Ibu Pejabat dalam tempoh tidak lebih dari tujuh (7) hari dari tarikh penerimaan dokumen berkenaan.

Penolong Bendahari Kehormat

1. Membantu Bendahari Kehormat Negeri serta memangkunya sewaktu ketiadaanya.
2. Menjalankan tugas atas arahan dari Pengerusi dan Jawatankuasa Negeri.

Tugas dan Tanggung Jawab Lain-lain Pegawai Jawatankuasa Negeri

1. **Ketua Penerangan** hendaklah menjalankan tugasnya yang diarahkan Jawatankuasa Pusat dan Negeri serta urusan berkaitan dengan penerangan dan publisiti kepada ahli-ahli.
2. **Ketua Wanita** hendaklah menjalankan tugasnya yang diarahkan Jawatankuasa Pusat dan Negeri serta urusan berkaitan dengan hal ehwal wanita.
3. **Ketua Putera** hendaklah menjalankan tugasnya yang diarahkan Jawatankuasa Pusat dan Negeri serta urusan berkaitan dengan hal ehwal ahli-ahli putera berusia 15 - 30 tahun.
6. **Ketua Puteri** hendaklah menjalankan tugasnya yang diarahkan Jawatankuasa Pusat dan Negeri serta urusan berkaitan dengan hal ehwal ahli-ahli puteri berusia 15 - 30 tahun.
6. **Ahli Jawatankuasa Biasa** hendaklah membantu Jawatankuasa Pusat dan Negeri menjalankan tugas yang diarahkan olehnya.



FASAL 33 JURU ODIT DALAM MAJLIS NEGERI

1. Dua (2) orang **Juru Odit Dalam** yang di pilih dalam Mesyuarat Agung Tahunan Perwakilan Negeri hendaklah memeriksa segala Laporan Kewangan Dan Penyafa Akaun dengan teliti sebelum meluluskan dokumen-dokumen tersebut.
2. Para Juru Odit adalah berhak mendapatkan segala dokumen untuk siasatan laporan yang di sediakan.

FASAL 34 KUASA PERBELANJAAN MAJLIS NEGERI & YURAN-YURAN

1. Jawatankuasa Negeri adalah berhak meluluskan tidak lebih daripada dua puluh lima ribu (RM 25,000.00) Ringgit Malaysia untuk mana-mana aktiviti di peringkat Negeri. Permohonan perbelanjaan ini hendaklah di luluskan bersama oleh Pengerusi, Setiausaha Kehormat dan Bendahari Kehormat dalam mana-mana mesyuarat Jawatankuasa Negeri.
2. Perbelanjaan melebihi dua puluh lima ribu (RM 25,000.00) Ringgit Malaysia, terlebih dahulu hendaklah mendapatkan kebenaran bertulis dari Ibu Pejabat/ EXCO Pusat.
3. Setiap tahun, setiap Majlis Negeri/ Jawatankuasa Perhubungan Negeri hendaklah membayar Yuran Perhimpunan Agung Tahunan Perwakilan sekurang-kurangnya sebanyak RM 500.00 kepada Ibu Pejabat MIYC. Jumlah yuran perhimpunan yang dikenakan akan diputuskan oleh EXCO Pusat. Yuran ini perlu dijelaskan sebelum 30hb Jun setiap tahun.



BAHAGIAN : V

FASAL 35 PERLANTIKAN PENAUNG, PENASIHAT, PEMEGANG AMANAH DAN YANG DI PERTUA UNTUK CAWANGAN DAN MAJLIS NEGERI

1. Jawatankuasa Cawangan dan Jawatankuasa Negeri boleh melantik mana-mana Tiga orang Pemegang Amanah yang berumur lebih daripada 21 tahun hendaklah dilantik di dalam Mesyuarat Agung dan mereka akan berkhidmat selama yang dikehendaki oleh Jawatankuasa berkenaan. Semua harta tetap kepunyaan Pertubuhan akan diamanahkan kepada mereka dengan menandatangani suatu Surat Amanah (Deed of Trust). Pemegang Amanah tidak boleh menjual, menarik balik atau memindahkan hakmilik harta kepunyaan Cawangan dan Majlis Negeri. Segala harta cawangan dan majlis negeri adalah milik muktamad Ibu Pejabat Pertubuhan. Seseorang Pemegang Amanah, Penasihat atau Yang Di Pertua itu boleh dilucutkan daripada jawatannya oleh Mesyuarat Agung oleh sebab uzur kerana penyakit, tidak siuman, tidak berada di dalam negeri atau kerana sebab lain yang mengakibatkan ia tidak dapat menjalankan tugasnya atau pekerjaannya dengan memuaskan. Jika berlaku kematian, perletakkan jawatan atau pembuangan bagi mana-mana seseorang, maka kekosongan itu bolehlah dipenuhi secara perlantikan baru oleh Jawatankuasa yang berkenaan.
2. Tiga orang Penasihat yang berumur lebih daripada 21 tahun boleh dilantik jika perlu, di dalam mesyuarat agung atau pada bila-bila masa oleh jawatankuasa yang berkenaan. Mereka akan berkhidmat selama yang dikehendaki oleh jawatankuasa serta hanya melibatkan diri dalam hal ehwal penasihat dan bimbingan sahaja. Penasihat tidak mempunyai kuasa eksekutif. Surat Perlantikan akan dikeluarkan oleh EXCO PUSAT.
3. Seorang Yang Di Pertua dan Seorang Timbalan Yang Di Pertua yang berumur lebih daripada 21 tahun boleh dilantik jika perlu, di dalam mesyuarat agung atau pada bila-bila masa oleh jawatankuasa yang berkenaan. Mereka akan berkhidmat selama yang dikehendaki oleh jawatankuasa yang berkenaan serta tidak mempunyai kuasa eksekutif. Tugas dan tanggungjawab mereka akan ditetapkan oleh EXCO PUSAT menurut Fasal 41. Surat Perlantikan akan dikeluarkan oleh Jawatankuasa Cawangan/Negeri.
4. Jawatankuasa boleh, jika difikirkan perlu, melantik orang-orang yang layak menjadi Penaung bagi Cawangan dan Majlis Negeri dengan syarat Surat Perlantikan dikeluarkan oleh Jawatankuasa berkenaan kepada orang berkenaan. Penaung tidak mempunyai kuasa eksekutif.



FASAL 36 PROTOKOL

1. Ahli-ahli jawatankuasa mempunyai kuasa bersabit dengan perkara protokol, Majlis keraian/ Negara atau lawatan.
2. Yang Di Pertua dan (atau) Timbalan Yang Di Pertua Majlis Tertinggi dari segi protocol (majlis keraian) diberi status Presiden pertubuhan.

FASAL 37 TAFSIRAN UNDANG-UNDANG

- (1) Di antara berlangsungnya perhimpunan agung, Jawatankuasa boleh memberikan tafsirannya kepada undang-undang ini dan Jawatankuasa, jika mustahak, boleh memutuskan perkara-perkara yang tidak terkandung di dalam undang-undang ini.
- (2) Kecuali perkara-perkara yang bertentangan atau tidak selaras dengan dasar yang telah dibuat dalam Perhimpunan Agung, keputusan Jawatankuasa terhadap ahli-ahli adalah muktamad jika tidak diubah oleh keputusan Perhimpunan Agung.

FASAL 38 LARANGAN

- (1) Permainan yang disebutkan di bawah ini tidak boleh dimainkan di dalam rumah Pertubuhan: Roulette, Lotto, Fan Tan, Poh, Peh Bin, Belankai, Pai Kau, Tau Ngau, Tien Ngau, Tien Kow, Chap Ji Kee, Sam Cheong, Dua Puluh Satu, Tiga Puluh Satu, Sepuluh dan Setengah, semua permainan dadu, banker's game, video game dan semua permainan yang bergantung semata-mata kepada nasib.
- (2) Pertubuhan atau ahli-ahlinya tidak harus cuba menghalang atau dengan apa cara juga mengganggu perniagaan atau harga barang-barang atau mengambil peranan di dalam gerakan Kesatuan Sekerja seperti yang diterangkan di dalam Akta Kesatuan Sekerja, 1959.
- (3) Pertubuhan ini tidak boleh menjalankan loteri sama ada dikhaskan kepada ahli-ahli atau tidak, atas nama Pertubuhan atau pegawai-pegawai atau Jawatankuasa atau ahli, tanpa kelulusan daripada pihak berkuasa berkenaan.
- (4) "Faedah" seperti yang diterangkan di bawah Seksyen 2 Akta Pertubuhan 1966, tidaklah boleh diberikan oleh Pertubuhan kepada mana-mana ahlinya.



FASAL 39 HAK KEATAS HARTA BENDA

1. Majlis Tertinggi, Majlis Negeri dan Cawangan pada bila-bila masa, bolehlah memiliki tanah, bangunan dan harta benda lain serta dibolehkan membeli, meminjam, menyewa, melaburkan dan mencagarkan harta benda dengan sebarang cara sah disisi undang-undang pertubuhan dan Negara serta mendapat persetujuan dan restu EXCO Pusat.
2. Semua harta pada semua peringkat tersebut kecuali wang dalam bank hendaklah diselenggarakan menurut Fasal 13 dan Fasal 35 pertubuhan ini.
3. Semua harta benda (bergerak dan tidak bergerak) dan punca pendapatan (mudah cair dan tidak mudah cair) disemua peringkat adalah milik Ibu Pejabat serta ia adalah dibawah jagaan Ibu Pejabat dan akan diawasi oleh Pemegang Amanah yang dilantik pada peringkat berkenaan.

FASAL 40 JAWATANKUASA KECIL, JAWATANKUASA TETAP, JAWATANKUASA DISIPLIN, JAWATANKUASA TERTIB MESYUARAT/ PERHIMPUNAN DAN JAWATANKUASA KHAS

1. Majlis Tertinggi mempunyai kuasa membentuk apa jua jawatankuasa-jawatankuasa pada mana-mana peringkat bersabit sesuatu isu, program, projek, tata-cara, tata-tertib, disiplin atau pun bagi apa jua maksud yang berkaitan dengan hal ehwal pentadbiran, pengurusan, penyelarasan atau berkaitan penyelesaian permasalahan dalam Pertubuhan.
2. Majlis Tertinggi juga boleh membentuk suruhanjaya, jabatan, unit dan bahagian dalam memantapkan Pertubuhan. Jumlah keahlian dalam mana-mana jawatankuasa ini adalah ditetapkan dari semasa ke semasa.
3. Majlis Tertinggi akan menetapkan peraturan-peraturan, syarat-syarat, serta tugas, tanggungjawab dan tata-cara berkaitan jawatankuasa yang dibentuk.



FASAL 41 UNDANG-UNDANG KECIL (BYE-LAWS) & PERATURAN-PERATURAN

- (1) Bagi tujuan perjalanan pentadbiran, pengurusan, penyelerasan serta pemantapan pertubuhan, maka Jawatankuasa Eksekutif Majlis Tertinggi (EXCO Pusat) bolehlah membentuk undang-undang kecil, peraturan-peraturan, syarat-syarat dan tata-tertib untuk mengoperasi Pertubuhan dari semasa ke semasa.
- (2) Peraturan-peraturan ini adalah bertujuan untuk mengadakan sesuatu aktiviti, mesyuarat, perhimpunan, forum, program, projek, atau penubuhan mana-mana jawatankuasa, biro atau sebarang urusan yang berkaitan dengan pentadbiran, pengurusan, penyelerasan, pendapatan dan perbelanjaan yang berkaitan dengan kepentingan Pertubuhan ini. Peraturan ini juga bagi tujuan untuk menetapkan tarikh, masa dan tempat apa-apa mesyuarat atau perhimpunan pada mana-mana peringkat.
- (3) Undang-undang Kecil ini boleh dibentuk, digubal, diubahsuai, dipinda atau dibatalkan dari semasa ke semasa oleh EXCO Pusat.
- (4) Undang-undang Kecil ini juga boleh digunapakai bagi menubuhkan beberapa jawatankuasa/ biro bagi menjayakan objektif Pertubuhan ini. Undang-undang Kecil ini juga boleh digunapakai bagi penyelesaian sebarang masalah dalaman atau masalah disiplin dikalangan ahli-ahli. Melantik mana-mana jawatankuasa atau Jawatankuasa Negeri atau Jawatankuasa Cawangan yang baru bila berlaku keadaan tidak SAH bagi jawatankuasa berkenaan.

FASAL 42 PINDAAN UNDANG-UNDANG

Undang-undang ini tidak boleh diubah atau dipinda kecuali dengan keputusan Perhimpunan Agung. Permohonan untuk perubahan atau pindaan kepada undang-undang hendaklah dibuat kepada Pendaftar Pertubuhan dalam masa 60 hari dari tarikh keputusan Perhimpunan Agung, meluluskan perubahan atau pindaan itu dan hanya boleh dikuatkuasakan mulai daripada tarikh perubahan atau pindaan itu diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan.



FASAL 43 PEMBUBARAN

- (1) Pertubuhan ini boleh dibubarkan secara sukarela dengan persetujuan tidak kurang daripada tiga perlima (3/5) daripada jumlah perwakilan atau tiga perlima (3/5) daripada jumlah Cawangan yang sah yang menghadiri dalam suatu perhimpunan agung dipanggil khas kerananya.
- (2) Sekiranya Pertubuhan hendak dibubarkan secara yang disebutkan di atas, maka segala hutang dan tanggungan Pertubuhan yang sah mengikut undang-undang hendaklah dijelaskan dan baki wang yang tinggal hendaklah diselesaikan mengikut cara yang dipersetujui dalam Perhimpunan Agung berkenaan.
- (3) Kenyataan bersabit dengan pembubaran itu hendaklah disampaikan kepada Pendaftar Pertubuhan dalam masa 14 hari dari tarikh pembubaran itu.

FASAL 44 PERLANTIKAN WAKIL-WAKIL, PERWAKILAN BADAN GABUNGAN DAN PERWAKILAN BADAN BERSEKUTU

1. Majlis Tertinggi boleh menetapkan jumlah perwakilan dari mana-mana badan gabungan dan badan bersekutu pertubuhan ini ke mana-mana mesyuarat atau perhimpunan yang layak dihadiri. Syarat-syarat gabungan, kuasa dan hak akan ditetapkan oleh Majlis Tertinggi menurut Fasal 41.
2. Majlis Tertinggi boleh menetapkan jumlah yuran perwakilan, yuran tahunan atau yuran lain-lain keatas badan gabungan dan badan bersekutu pertubuhan ini.
3. Presiden pertubuhan adalah berhak melantik mana-mana ahli dari pertubuhan ini sebagai wakil ke mana-mana badan gabungan yang disertai oleh pertubuhan ini sebagai gabungan.




FASAL 45 PINGAT

1. Majlis Tertinggi mempunyai kuasa menganugerahkan pingat-pingat kepada seseorang individu, firma-firma atau syarikat-syarikat sebagai kejayaan atau sumbangan bakti mereka.
2. Pingat-pingat yang disebut dalam klausa (1) di atas adalah seperti berikut:-
 - i). Pingat Perdana Jasa Bakti Nusa – *Viveka Sri*
 - ii). Pingat Jasa Bakti Utama – *Sevvai Thilagam*
 - iii). Pingat Jasa Bakti Utama – *Sevvai Chuddar*
 - vi). Pingat Jasa Bakti Utama – *Sevvai Ratna*
 - v). Pingat Jasa Bakti Utama – *Sevvai Chemmal*
 - vi). Pingat Jasa Bakti Utama – *Sevvai Sigaram*
3. Pingat-pingat selain yang disebut dalam klausa (1) di atas boleh diberikan kepada mana-mana individu atau organisasi di atas keputusan Majlis Tertinggi.
4. Majlis Jawatankuasa Pingat (Council of Awards Committees - CAC) yang dilantik oleh Presiden akan bertindak sebagai badan yang mengurus segala hal berkaitan penganugerahan pingat dan bintang. Keputusan jawatankuasa ini adalah muktamad serta boleh menetapkan syarat dan prosedur segala urusan yang berkaitan dengan penganugerahan, pingat dan bintang.

FASAL 46 STRUKTUR ORGANISASI

1. **Majlis Kebangsaan pertubuhan ini hendaklah mengandungi :-**
 - i. Majlis Perhimpunan Agung Tahunan Perwakilan.
 - ii. Jawatankuasa Dewan Tertinggi (JDT)
 - iii. Jawatankuasa Eksekutif Majlis Tertinggi (EXCO Pusat)
 - iv. Jawatankuasa Majlis Tindakan Presiden (PAG)
 - v. Jawatankuasa-jawatankuasa kecil Majlis Tertinggi
 - vi. Jawatankuasa Perhubungan Negeri
 - vii. Jawatankuasa Perhubungan Daerah/ Kawasan/ Bahagian
 - viii. Jawatankuasa Cawangan
 - ix. Suruhanjaya Wanita
 - x. Suruhanjaya Putera
 - xi. Suruhanjaya Puteri



2. **Majlis Perhimpunan Agung Tahunan Perwakilan :**

- a) Perhimpunan agung adalah perhimpunan tahunan yang dihadiri oleh perwakilan dari cawangan-cawangan, badan-badan gabungan dan bersekutu. Jumlah Perwakilan dari cawangan, badan gabungan dan badan bersekutu ke perhimpunan agung tahunan sila rujuk kepada Fasal 21 dan Fasal 44, Pertubuhan ini.
- b) Jawatankuasa Perhubungan Negeri yang dilantik oleh Jawatankuasa Majlis Tertinggi adalah layak menghantar 10 orang perwakilan ke Perhimpunan Agung serta layak bertanding dan mengundi.

3. **Jawatankuasa Dewan Tertinggi (JDT)**

- a) Pegawai-pegawai dan ahli-ahli jawatankuasa **Dewan Tertinggi** adalah seperti berikut :-

Seorang Yang Di Pertua serta timbalannya, kesemua ahli-ahli jawatankuasa eksekutif majlis tertinggi (Exco Pusat), kesemua Pengerusi dari Jawatankuasa Perhubungan Negeri, Jawatankuasa Perhubungan Daerah/ Kawasan/ Bahagian, Badan Gabungan dan Badan Bersekutu
- b) Yang Di Pertua, Dewan Tertinggi, adalah seorang ahli kehormat yang dilantik oleh Majlis Tertinggi untuk mempengerusi mesyuarat Dewan Tertinggi serta beliau tidak mempunyai kuasa eksekutif atau kuasa pemutus dan kuasa mengundi.
- c) Dewan Tertinggi boleh mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya setiap empat (4) bulan sekali. Koram adalah sekurang-kurangnya 30% dari jumlah keseluruhan ahli Dewan Tertinggi.



4. **Jawatankuasa Eksekutif Majlis Tertinggi (EXCO Pusat)**

Jawatankuasa Majlis Tertinggi adalah satu jawatankuasa yang dipilih dalam perhimpunan agung perwakilan menurut Fasal 9.

5. **Jawatankuasa Majlis Tindakan Presiden (PAC)**

Jawatankuasa Majlis Tindakan Presiden (*President's Action Council - PAC*) boleh ditubuhkan oleh Presiden jika perlu, menurut Fasal 9(13). Ahli-ahlinya adalah terdiri daripada Presiden, Timbalan Presiden, kesemua Naib Presiden, Setiausaha Agung, Bendahari Agung dan Ketua Wanita. Presiden boleh menetapkan tugas dan tanggungjawab khas bagi setiap pegawai dalam jawatankuasa ini. Jawatankuasa ini hendaklah bermesyuarat mengikut arahan dari Presiden.

6. **Jawatankuasa-jawatankuasa Kecil Majlis Tertinggi**


Jawatankuasa Majlis Tertinggi boleh membentuk jawatankuasa-jawatankuasa menurut Fasal 40 pertubuhan ini serta boleh menetapkan tugas, tanggungjawab, syarat-syarat dan peraturan-peraturan tertentu berdasarkan keperluan pertubuhan.

7. **Jawatankuasa Perhubungan Negeri**

Jawatankuasa perhubungan negeri adalah ditubuhkan menurut Fasal 28(3) pertubuhan ini.

8. **Jawatankuasa Perhubungan Daerah/ Kawasan/ Bahagian**

Jawatankuasa Majlis Tertinggi boleh membentuk jawatankuasa ini menurut Fasal 40 pertubuhan ini serta boleh menetapkan tugas, tanggungjawab, syarat-syarat dan peraturan-peraturan tertentu berdasarkan keperluan pertubuhan.



9. Jawatankuasa Cawangan

Jawatankuasa Cawangan adalah ditubuhkan menurut Fasal 17(6) dan Fasal 17(7) pertubuhan ini.

10. Suruhanjaya Wanita

Suruhanjaya Wanita adalah ditubuhkan menurut Fasal 40 pertubuhan ini. Suruhanjaya ini hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya 7 orang ahli yang akan ditetapkan oleh EXCO PUSAT.

11. Suruhanjaya Putera (15-30 Tahun)

Suruhanjaya Putera adalah ditubuhkan menurut Fasal 40 pertubuhan ini. Suruhanjaya ini hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya 7 orang ahli yang akan ditetapkan oleh EXCO PUSAT.

12. Suruhanjaya Puteri (15-30 Tahun)

Suruhanjaya Puteri adalah ditubuhkan menurut Fasal 40 pertubuhan ini. Suruhanjaya ini hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya 7 orang ahli yang akan ditetapkan oleh EXCO PUSAT.

FASAL 47 PERTIKAIAN DALAMAN

Adalah menjadi tugas Jawatankuasa pada peringkat Majlis Tertinggi, Majlis Negeri dan Cawangan untuk menyelesaikan apa-apa pertikaian yang timbul di kalangan ahli-ahli atau cawangan mengikut prosedur yang ditetapkan dalam undang-undang tubuh pertubuhan ini atau pun seperti yang ditetapkan dalam Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007

FASAL 48 PRESIDEN MIYC

Mana-mana ahli yang dilantik atau dipilih Presiden pertubuhan ini di peringkat kebangsaan hendaklah memegang jawatan untuk suatu tempoh tidak melebihi tiga penggal secara berterusan atau tidak melebihi enam tahun secara berterusan.




FASAL 49 KOPERASI MIYC

Ahli-ahli MIYC adalah layak memohon menjadi anggota Koperasi Majlis Belia India Malaysia Berhad. Ahli-ahli MIYC hendaklah menepati syarat-syarat yang ditetapkan serta kelulusan menjadi anggota adalah hak mutlak koperasi tersebut.

FASAL 50 PERSATUAN PROGRESIF INDIA MALAYSIA (MIPAS)

Ahli-ahli MIYC yang sah serta mereka yang melepasi umur lebih 40 tahun adalah layak memohon menjadi ahli PERSATUAN PROGRESIF INDIA MALAYSIA. Ahli-ahli MIYC hendaklah menepati syarat-syarat yang ditetapkan serta kelulusan menjadi ahli MIPAS adalah hak mutlak persatuan tersebut.

Disahkan betul :



Rajaretinam A/L Armuggan, KMN.
PRESIDEN MIYC
(Pengasas MIYC)



Ramish A/L Varatharajoo
SETIAUSAHA AGUNG MIYC

